



24 JUN, 2026

TNEC, UM meterai perjanjian tenaga CESA

Harian Metro, Malaysia



TNEC, UM meterai perjanjian tenaga CESA

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Engineering Corporation Sdn Bhd (TNEC) memeterai Perjanjian Bekalan Tenaga Penyejukan (CESA) bersama Universiti Malaya (UM) bagi memodenkan infrastruktur penyejukan di Wisma R&D UM.

Kerjasama strategik itu menjadi langkah penting dalam menyokong pembangunan kampus yang lebih lestari, selain memperkukuh usaha ke arah kecekapan tenaga dalam sektor pengajian tinggi negara.

Melalui perjanjian CESA ini, TNEC akan membekalkan tenaga penyejukan kepada Wisma R&D UM daripada loji Sistem Penyejukan Daerah (DCS) TNEC yang terletak di Ja-

lan Pantai Baharu, di sini.

Bekalan tenaga penyejukan itu akan dilaksanakan di bawah konsesi selama 20 tahun dan dijangka mampu mengurangkan kos berkaitan penyejukan sebanyak kira-kira 30 peratus.

Tenaga penyejukan daripada loji DCS TNEC ini membolehkan Wisma R&D menikmati sistem yang lebih stabil dan berdaya harap, prestasi tenaga yang lebih baik serta operasi yang lebih cekap berbanding sistem konvensional.

Pertukaran dokumen perjanjian disempurnakan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Ts Shamsul Ahmad bersama Naib Canselor UM, Datuk Seri Prof Ir Dr Noor Azuan Abu Osman.